



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) SIASAT INSIDEN IKAN MATI DI SUNGAI JEGOR, TINDAKAN PEMANTAUAN TERUS DILAKSANAKAN

Jabatan Alam Sekitar sedang menjalankan siasatan terperinci berhubung kejadian ikan mati yang dilaporkan berlaku di Sungai Jegor, Kampung Padang Kijang, Mukim Alor Pasir, Tanah Merah pada 10 Jun 2026.

Aduan berhubung kejadian tersebut telah diterima oleh JAS dan pasukan penyiasat telah digerakkan ke lokasi pada hari yang sama bagi menjalankan pemeriksaan, pemantauan serta mengenal pasti kemungkinan punca kejadian berdasarkan bidang kuasa Jabatan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127].

Sejurus menerima aduan, JAS telah melaksanakan beberapa tindakan segera, antaranya:

- i) Menjalankan siasatan lapangan di lokasi kejadian dan kawasan sekitar Sungai Jegor;
- ii) Melaksanakan ujian kualiti air secara in-situ menggunakan peralatan pemantauan lapangan;
- iii) Mengambil sampel air secara rasmi untuk tujuan analisis makmal oleh Jabatan Kimia Malaysia;
- iv) Menjalankan pemantauan menggunakan teknologi dron bagi mengenal pasti punca-punca berpotensi di sepanjang aliran sungai; dan
- v) Melaksanakan siasatan susulan di kawasan berkaitan termasuk Loji Rawatan Air Bendang Nyior, Loji Rawatan Air Kemahang serta kawasan muka sauk yang terlibat.

Hasil pemeriksaan awal mendapati terdapat bangkai ikan mati di kawasan berhampiran Jambatan Kampung Padang Kijang. Walau bagaimanapun, bacaan kualiti air yang direkodkan semasa pemeriksaan menunjukkan parameter oksigen terlarut (DO) dan pepejal terampai (TSS) berada dalam keadaan normal.

Siasatan susulan yang dijalankan pada hari ini mendapati keadaan aliran Sungai Jegor adalah baik dan tiada lagi penemuan ikan mati di kawasan yang diperiksa. Pemantauan turut dijalankan terhadap beberapa punca yang dikenal pasti di kawasan sekitar bagi membantu menentukan punca sebenar kejadian.

JAS ingin menegaskan bahawa sehingga kini, punca sebenar kejadian ikan mati tersebut masih dalam siasatan dan belum dapat dipastikan. Sampel air yang telah diambil sedang dianalisis oleh Jabatan Kimia dan keputusan analisis tersebut akan membantu mengenal pasti sama ada wujud unsur pencemaran yang boleh dikaitkan dengan kejadian berkenaan.

Sebagai agensi penguatkuasaan alam sekitar, JAS bertanggungjawab menyiasat sebarang aktiviti yang berpotensi menyebabkan pencemaran alam sekitar dan pelanggaran peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Sekiranya siasatan dan keputusan analisis makmal mendapati berlaku pelepasan bahan pencemar atau kesalahan di bawah Akta 127, tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya akan diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab. Jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara mandatori tidak melebihi lima (5) tahun dan denda tidak kurang daripada RM50,000 serta tidak melebihi RM1 juta, selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian ini atau sebarang aktiviti pencemaran alam sekitar disaran menyalurkan aduan kepada JAS melalui talian bebas tol 1-800-88-2727, sistem e-Aduan JAS atau mana-mana saluran rasmi Jabatan.

JABATAN ALAM SEKITAR
11 JUN 2026



Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763